

Headline "Setiap penghujung adalah permulaan"  
Date 30 Aug 2009  
MediaTitle Sinar Harian  
Section Nasional  
Journalist N/A  
Frequency Daily  
ADValue 759

Language Malay  
Page No N15  
Article Size 138 cm<sup>2</sup>  
Color Full Color  
PRValue 2,277



# "Setiap penghujung adalah permulaan"

MUHAMMAD Abdullah melahirkan rasa syukur apabila cita-cita untuk mengeluarkan pesakit HIV/ Aids dari sebuah gereja ini diperkenan Allah SWT. Walaupun masih ada dua orang lagi yang masih tinggal di situ.

"Alhamdulillah, masalah itu ada penghujungnya. Namun seperti yang saya katakan sebelum ini bahawa setiap penghujung adalah permulaan bagi sesuatu.

"Maksudnya, usaha untuk membawa keluar pesakit Muslim di gereja itu akhirnya sampai ke penghujung. Namun ia merupakan satu permulaan baru untuk kita menjayakan perjalanan rumah jagaan itu sebaik mungkin," katanya.

Dalam melaksanakannya, Muhammad menjelaskan bahawa kos operasi agak tinggi setiap bulan dan mengakui pihaknya tidak mampu untuk menanggung keseluruhan kos tersebut.

"Kita memang tidak larat untuk menanggung kos operasi. Oleh itu, kita cuba dapatkan daripada Mais (Majlis Agama Islam Selangor) kelulusan dana operasi untuk rumah ini.

"Pihak Mais sebelum ini pun sudah banyak membantu dalam

menjayakan usaha murni itu dan tindak balas mereka dalam hal itu sangat cepat," kata Muhammad, sehari sebelum beliau berangkat ke tanah suci Mekah.

Ketika diminta mengulas mengenai sebahagian pesakit HIV/ Aids di gereja itu yang dikeluarkan dan ditempatkan di Yayasan Budi di Kuang, Muhammad memberitahu bahawa perkara itu disambutnya dengan rasa gembira dan syukur.

"Sejak awal lagi saya harapkan saudara Muslim kita di situ dikeluarkan segera kerana itu adalah tanggungjawab umat Islam.

"Apa yang diharapkan, orang yang bersama-sama di dalam usaha ini agar mengekalkan keikhlasan hingga ke penghujung," katanya.



● MUHAMMAD ABDULLAH